



TEMPAT
TAMPAL
SETEM

PERJANJIAN CUTI BELAJAR
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

ISI TARIKH
MATIKAN SETEM

PERJANJIAN INI adalah dibuat pada.....

ANTARA

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 dan beralamat di Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur (selepas ini disebut sebagai "UNIVERSITI") sebagai pihak pertama

NAMA STAF CUTI BELAJAR, NO. KAD
PENGENALAN DAN ALAMAT RUMAH

DAN

(No. Kad Pengenalan) yang beralamat di

(selepas ini disebut sebagai "PEGAWAI") sebagai pihak kedua.

DAN

NAMA PENJAMIN 1, NO. KAD
PENGENALAN DAN ALAMAT RUMAH

(No. Kad Pengenalan) yang beralamat di

NAMA PENJAMIN 2, NO. KAD
PENGENALAN DAN ALAMAT RUMAH

(No. Kad Pengenalan) yang beralamat di

(selepas ini
disebut sebagai "PENJAMIN-PENJAMIN) sebagai pihak ketiga.

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

Bahasawanya:

- A. **PEGAWAI** pada tarikh perjanjian ini adalah di dalam perkhidmatan **UNIVERSITI** dan tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkunun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 serta peraturan-peraturan **UNIVERSITI** yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- B. **PEGAWAI** telah memohon dan **UNIVERSITI** telah bersetuju meluluskan Cuti Belajar untuk membolehkan **PEGAWAI** mengikuti pengajian di selama tahun mulai daripada sehingga sepermula yang dinyatakan di dalam **SURAT TAWARAN** bertarikh dan bernombor rujukan
(selenas ini dirujuk)
“Surat Tawaran tersebut”) di **Lampiran A** **SILA RUJUK SURAT TAWARAN DARIPADA UPNM** terkandung dalam Perjanjian ini.
- C. **PEGAWAI** telah menerima tawaran melalui Surat Tawaran tersebut daripada **UNIVERSITI** dan telah membaca dan memahami segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Tawaran tersebut.
- D. **PEGAWAI** secara rela hati telah bersetuju untuk menerima tawaran tersebut dan **UNIVERSITI** telah menerima surat pengesahan penerimaan tawaran tersebut daripada **PEGAWAI** seperti di **Lampiran B**.
- E. **UNIVERSITI** telah bersetuju untuk memperuntukkan dan membiayai atau meneruskan pembiayaan segala perbelanjaan dan kos mengikuti pengajian yang diluluskan tersebut termasuk gaji, elaun-elaun, yuran pengajian, tambang dan lain-lain kemudahan dan faedah kepada **PEGAWAI** atau bagi pihak **PEGAWAI** sepanjang mengikuti pengajian tersebut (selepas ini dirujuk sebagai “Pembayaran tersebut”) seperti di **Lampiran C**.
- F. **PENJAMIN-PENJAMIN** juga telah bersetuju secara bersesama dan berasingan untuk menjamin dan bertanggungan terhadap pelaksanaan segala terma dan syarat Perjanjian ini oleh **PEGAWAI**. **PENJAMIN-PENJAMIN** juga telah selanjutnya bersetuju untuk menanggung rugi **UNIVERSITI** terhadap segala liabiliti, kerugian, kehilangan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh **UNIVERSITI** disebabkan

kemungkinan **PEGAWAI** mematuhi Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya dan butiran mengenai **PENJAMIN-PENJAMIN** tersebut adalah seperti yang dikepikan di dalam **Lampiran D**.

MAKA ADALAH DENGAN INI dipersetujui oleh semua Pihak di dalam Perjanjian ini seperti berikut:

1. AKUJANJI PEGAWAI

PEGAWAI dengan kelulusan dan persetujuan **PENJAMIN-PENJAMIN** dengan ini mengakujanji dan bersetuju bahawa:

- a) **PEGAWAI** akan mengikuti, meneruskan dan menamatkan sepenuhnya pengajian yang ditawarkan dan diluluskan oleh **UNIVERSITI** (selepas ini dirujuk sebagai “**Pengajian tersebut**”) di dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Surat Tawaran di **Lampiran A** atau tempoh lanjutan yang diluluskan oleh **UNIVERSITI** mengikuti budi bicara mutlaknya.
- b) **PEGAWAI** bersetuju menerima terma-terma dan syarat-syarat di bawah Surat Tawaran di **Lampiran A** serta akta, statut, peraturan, kaedah, pekeliling dasar, polisi dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa di **UNIVERSITI** dan sebarang perubahan yang akan dibuat terhadapnya oleh **UNIVERSITI** dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan **PEGAWAI** tentang perubahan atau perubahan-perubahan tersebut.
- c) **PEGAWAI** akan mengikuti Pengajian tersebut di mana-mana tempat yang ditentukan oleh **UNIVERSITI** dan sebarang pertukaran pengajian atau tempat mengikuti pengajian atau penarikan diri daripada pengajian tersebut oleh **PEGAWAI** adalah tidak dibenarkan kecuali **PEGAWAI** telah mengemukakan permohonan kepada **UNIVERSITI** dalam tahun pertama Pengajian tersebut dan mendapat kebenaran bertulis daripada **UNIVERSITI**.

- d) Pada sepanjang tempoh Pengajian tersebut, **PEGAWAI** tidak akan mengambil bahagian di dalam apa-apa juga aktiviti dan kegiatan yang difikirkan oleh **UNIVERSITI** tidak berfaedah kepada **PEGAWAI** dan pengajiannya dan negara dan akan berhenti serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya di dalam kegiatan tersebut apabila diarahkan berbuat demikian oleh **UNIVERSITI**.
- e) Pada sepanjang tempoh Pengajian tersebut, **PEGAWAI** tidak akan melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan jenayah atau kegiatan yang boleh melanggar undang-undang Malaysia atau undang-undang negara di mana tempat **PEGAWAI** itu berada atau berkelakuan buruk dalam apa cara jua pun yang pada pendapat dan pandangan **UNIVERSITI** mungkin menjatuhkan nama baik **PEGAWAI** atau mencemarkan nama baik **UNIVERSITI** dan Malaysia.
- f) **PEGAWAI** tidak akan memegang apa-apa jawatan di dalam pertubuhan, badan atau kumpulan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari **UNIVERSITI** dan **UNIVERSITI** mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;
- g) **PEGAWAI** tidak akan menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan sebarang atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat **UNIVERSITI** boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari **UNIVERSITI** dan **UNIVERSITI** mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;
- h) apabila **PEGAWAI** gagal menyempurnakan Pengajian tersebut atau diberhentikan ketika sedang mengikuti Pengajian tersebut dengan apa jua sebab yang dikira munasabah atau apabila diarahkan demikian kerana apa-apa sebab oleh **UNIVERSITI** mengikut budibicara mutlak **UNIVERSITI**, tidak kira sama ada **PEGAWAI** pada ketika itu berada di Malaysia atau di luar Malaysia, **PEGAWAI** mesti

melapor diri ke **UNIVERSITI** dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh notis pemberitahuan yang dihantar kepada **PEGAWAI**;

- i) apabila **PEGAWAI** telah menyerahkan tesis akhir atau telah tamat peperiksaan akhir Pengajian tersebut, tidak kira sama ada **PEGAWAI** pada ketika itu berada di Malaysia atau di luar Malaysia, **PEGAWAI** mesti melapor diri ke **UNIVERSITI** dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penyerahan tesis tersebut atau tarikh tamat peperiksaan akhir;
- j) **PEGAWAI** akan mengemukakan laporan kemajuan kursus pada setiap **enam (6) bulan** dan/atau keputusan peperiksaan yang diduduki oleh **PEGAWAI** dalam masa tidak lebih dari **satu (1) bulan** dari tarikh keputusan peperiksaan dikeluarkan oleh tempat pengajian tersebut kepada **UNIVERSITI**. Sekiranya **PEGAWAI** gagal mengemukakan laporan kemajuan kursus bagi dua (2) semester berturut-turut, **UNIVERSITI** berhak untuk membuat penahanan pembayaran elaun ke atas **PEGAWAI**.
- k) **PEGAWAI** hendaklah memberi kepada pihak **UNIVERSITI** surat pengesahan bahawa **PEGAWAI** telah lulus di dalam Pengajian tersebut mengikut segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan akademik yang telah ditetapkan oleh institusi pengajian di mana **PEGAWAI** menjalani Pengajian tersebut dan/atau keputusan peperiksaan untuk pengajian tersebut dalam tempoh **satu (1) bulan** dari tarikh keputusan peperiksaan diisyiharkan dan/atau dari tarikh surat pengesahan sepertimana yang disebut di atas.
- l) sekiranya **PEGAWAI** gagal di dalam mana-mana ujian dan/atau peperiksaan yang bertulis atau secara lisan sepanjang Pengajian tersebut, maka **PEGAWAI** bertanggungjawab untuk memaklumkan perkara ini kepada pihak **UNIVERSITI** dalam tempoh masa **satu (1) bulan** daripada tarikh keputusan ujian dan/atau peperiksaan yang berkaitan atau daripada tarikh pemberitahuan notis tersebut kepada **PEGAWAI**, yang mana terdahulu.

- m) **PEGAWAI** bersetuju jika jangkamasa yang telah ditetapkan oleh **UNIVERSITI** untuk **PEGAWAI** menamatkan Pengajian tersebut dengan sempurna telah tamat, maka **UNIVERSITI** tidak lagi bertanggungjawab untuk membayar gaji, elaun-elaun dan yuran yuran pengajian, tambang dan lain-lain kemudahan dan faedah kepada **PEGAWAI** atau bagi pihak **PEGAWAI** bagi mengikut Pengajian tersebut.
- n) **PEGAWAI** bagi maksud Pengajian tersebut akan belajar di institusi pengajian yang diluluskan oleh **UNIVERSITI** dan **PEGAWAI** akan mematuhi segala peraturan-peraturan yang ditetapkan atau dikenakan kepada **PEGAWAI** untuk dipatuhi oleh institusi pengajian atau negara yang **PEGAWAI** dikehendaki hadiri di dalam tempoh masa pengajian itu atau yang di bawah arahannya kursus pelajaran itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan, dalam tempoh masa yang diluluskan kemudiannya oleh **UNIVERSITI**.
- o) **PEGAWAI** mengakujanji akan terus berkhidmat dengan **UNIVERSITI** setelah tamat Pengajian tersebut atau akan berkhidmat dengan **UNIVERSITI** apabila dikehendaki berkhidmat oleh **UNIVERSITI** tidak kira sama ada **PEGAWAI** telah tamat Pengajian tersebut dengan jayanya seperti yang diperlukan dan dikehendaki di bawah Perjanjian ini atau gagal untuk menamatkan Pengajian tersebut, untuk tempoh yang dikuatkuasakan dan ditetapkan oleh **UNIVERSITI**.
- p) **PEGAWAI** tidak boleh menerima apa-apa bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber lain melainkan dengan kebenaran **UNIVERSITI**.
- q) Sekiranya **PEGAWAI** menerima elaun atau bayaran dari sumber lain tetapi tidak melaporkan perkara tersebut kepada **UNIVERSITI**, maka tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh diambil ke atas **PEGAWAI** tersebut dan **UNIVERSITI** boleh menarikbalik kelulusan cuti belajar yang telah diberikan.

- r) tidak akan menerima apa-apa pekerjaan semasa atau ketika sedang mengikuti Pengajian tersebut ataupun semasa **PEGAWAI** sedang berkhidmat dengan **UNIVERSITI** baik yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada **UNIVERSITI** dan apa-apa keputusan **UNIVERSITI** mengenai perkara ini adalah muktamad dan wajib dipatuhi oleh **PEGAWAI**.

2. AKUJANJI UNIVERSITI

Sebagai balasan kepada perkara-perkara yang disebut di atas, **UNIVERSITI** mengakujanji dan bersetuju bahawa:

- a) semasa dalam tempoh pengajian, **PEGAWAI** akan dibayar gaji serta elaun yang layak mengikut gred gaji jawatan hakiki;
- b) **UNIVERSITI** akan membayar atau menguruskan pembayaran elaun-elaun dan segala perbelanjaan dan kos mengikuti Pengajian tersebut sebagaimana yang tertera di dalam Surat Tawaran di **Lampiran A** dan dalam Perjanjian ini. Ini adalah tertakluk kepada budibicara mutlak **UNIVERSITI** untuk membuat apa-apa perubahan yang difikirkan sebagai berpatutan dari semasa ke semasa terhadap kadar-kadar atau cara pembayaran atau untuk tidak menaikkan kadar-kadar pembayaran berkenaan; dan
- c) **UNIVERSITI** akan membayar atau menguruskan pembayaran tambang perjalanan pergi balik **PEGAWAI** untuk mengikuti pengajian tersebut di luar negara mengikut kelas, kadar tambang dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh **UNIVERSITI** sebagai berpatutan. Ini adalah tertakluk kepada budibicara mutlak **UNIVERSITI** untuk membuat apa-apa perubahan yang difikirkan sebagai berpatutan dari semasa ke semasa terhadap kadar-kadar atau cara pembayaran atau untuk tidak menaikkan kadar-kadar pembayaran berkenaan.

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

3. PENJAMIN-PENJAMIN

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- (a) bahawa **PENJAMIN-PENJAMIN** juga telah bersetuju secara bersesama dan berasingan untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan terma-terma dan syarat-syarat oleh **PEGAWAI** yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan selanjutnya bersetuju untuk menanggung rugi **UNIVERSITI** terhadap segala liabiliti, kerugian, kehilangan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh **UNIVERSITI** disebabkan kemungkiran **PEGAWAI** mematuhi Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.
- (b) bahawa sekiranya pada bila-bila masa **PENJAMIN-PENJAMIN** atau salah seorang daripada **PENJAMIN-PENJAMIN** meninggal dunia, atau tidak lagi menetap di Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih dari **dua belas (12) bulan** berturut-turut atau diisyiharkan menjadi muflis atau menerima perintah pentadbiran pemakan gaji atau disabit dan didapati bersalah oleh mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan jenayah atau menjadi tidak siuman atau kurang siuman maka **PEGAWAI** hendaklah mendapatkan **PENJAMIN** atau **PENJAMIN-PENJAMIN** lain yang memuaskan kepada **UNIVERSITI** sebagai ganti. Sekiranya **PEGAWAI** gagal mendapatkan **PENJAMIN** atau **PENJAMIN-PENJAMIN** gantian tersebut maka **UNIVERSITI** berhak di atas pilihannya bila-bila masa selepas itu membatalkan Perjanjian ini dan dalam hal yang sedemikian, **UNIVERSITI** berhak menggunakan dan menguatkuasakan hak atau remedи di bawah Klausula 7 Perjanjian ini.

**TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT**

4. TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- a) Tempoh bagi **PEGAWAI** untuk berkhidmat dengan **UNIVERSITI** adalah sepertimana di **Lampiran E**. Tempoh ikatan perkhidmatan di **UNIVERSITI** bermula daripada tarikh **PEGAWAI** melapor diri di **UNIVERSITI** selepas menamatkan Pengajian tersebut atau dipanggil balik untuk bertugas sebelum tamat Pengajian tersebut atau menurut budibicara mutlak **UNIVERSITI** untuk menentukannya bergantung kepada keadaan dan situasi pada masa tersebut.
- b) Sekiranya **PEGAWAI** gagal untuk menyempurnakan tempoh ikatan perkhidmatan yang telah ditentukan, maka **PEGAWAI** akan dianggap sebagai melakukan pelanggaran Perjanjian ini dan pihak **UNIVERSITI** berhak mengambil tindakan tuntutan gantirugi ke atas **PEGAWAI** dan/atau **PENJAMIN-PENJAMIN**. **PEGAWAI** dan/atau **PENJAMIN-PENJAMIN** perlu membayar jumlah gantirugi seperti yang telah ditentukan kepada pihak **UNIVERSITI** dan juga turut membayar segala kos perkhidmatan guaman, kos pentadbiran dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan dan ditanggung oleh pihak **UNIVERSITI** dalam menjalankan tuntutan pembayaran balik jumlah gantirugi tersebut.

5. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- (a) Sekiranya **PEGAWAI** tidak dapat menamatkan Pengajian tersebut dalam tempoh yang ditawarkan atau diluluskan oleh **UNIVERSITI**, **PEGAWAI** boleh dengan secara bertulis memohon perlanjutan tempoh dari **UNIVERSITI** untuk melanjutkan tempoh Pengajian tersebut dengan syarat permohonan tersebut mestilah diserahkan

kepada **UNIVERSITI** dalam tempoh masa yang munasabah mengikut budibicara **UNIVERSITI** dan mengemukakan kepada **UNIVERSITI** seperti berikut:

- i. Butir-butir tentang tempoh perlanjutan yang diperlukan serta sebab-sebab perlanjutan itu diperlukan;
 - ii. Dokumen sokongan dan laporan oleh pihak tempat **PEGAWAI** mengikuti Pengajian tersebut dengan menyatakan rancangan pengajian yang terperinci; dan
 - iii. Dokumen sokongan dan perakuan oleh Ketua Jabatan di mana Pegawai ditempatkan.
- (b) **UNIVERSITI** mengikut budibicara mutlak berhak menentukan sama ada meluluskan ataupun menolak permohonan perlanjutan tempoh tersebut. Keputusan **UNIVERSITI** untuk meluluskan ataupun menolak permohonan perlanjutan tempoh tersebut adalah muktamad dan keputusan ini akan dimaklumkan kepada **PEGAWAI** secara bertulis.
- (c) Sekiranya pihak **UNIVERSITI** bersetuju meluluskan perlanjutan tempoh Pengajian tersebut, **PEGAWAI** bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian tambahan yang akan dibaca dan dianggap sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan **PEGAWAI** juga bersetuju untuk menerima dan terikat kepada kesemua liabiliti tambahan yang dikenakan oleh pihak **UNIVERSITI** sebagai balasan untuk segala kos tambahan yang dibelanjakan oleh pihak **UNIVERSITI** sepanjang tempoh lanjutan Pengajian tersebut.

6. KEJADIAN KEMUNGKIRAN PERJANJIAN

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

TANDATANGAN STAF,
**PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT**

- (a) Maka adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa suatu kemungkiran Perjanjian ini telah dilakukan apabila **PEGAWAI** melakukan perkara-perkara berikut pada bila-bila masa di dalam tempoh Pengajian tersebut:
- i. berkelakuan buruk atau cuai atau mengabaikan pelajarannya atau gagal untuk menunjukkan laporan kemajuan mengikut syarat yang ditetapkan atau enggan mematuhi arahan-arahan sah yang disampaikan oleh **UNIVERSITI** kepada **PEGAWAI**; dan/atau
 - ii. menarik diri, meninggalkan atau mengubah Pengajian tersebut tanpa persetujuan bertulis daripada **UNIVERSITI**; dan/atau
 - iii. melakukan pelanggaran atau kemungkiran terhadap mana-mana klausa dalam Perjanjian ini; dan/atau
 - iv. melakukan sebarang bentuk penipuan, pembohongan, memesong, memalsu atau menyembunyi ataupun sengaja berniat berlengah-lengah untuk memberikan sebarang maklumat benar, bercanggah dengan fakta atau keadaan sebenar yang harus dan perlu diketahui atau dimaklumkan kepada pihak **UNIVERSITI** sama ada secara lisan ataupun bertulis; selepas perjanjian dimeterai; sehingga mendorong atau menyebabkan **UNIVERSITI** bertindak atas butiran maklumat, kenyataan atau informasi tersebut; dan/atau
 - v. ditamatkan jawatannya dalam perkhidmatan **UNIVERSITI** oleh apa-apa sebab sekalipun atau sebab kelakuan buruk, kesalahan tatatertib, kecuaian atau tidak endah kepada tugas-tugasnya dalam tempoh **PEGAWAI** telah berjanji untuk berkhidmat atau dalam tempoh **PEGAWAI** dikehendaki berkhidmat dengan **UNIVERSITI** di bawah Perjanjian ini; dan/atau

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

- vi. meletak jawatan untuk apa sebab sekalipun, atau ingkar dalam mematuhi arahan atau oleh sebab keburukan kelakuannya menjadikan dirinya tidak sesuai untuk berkhidmat atau terus berkhidmat dengan **UNIVERSITI**; dan/atau
 - vii. membenarkan sebarang perintah penghakiman yang dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah terhadap **PEGAWAI** untuk kekal tanpa diselesaikan sehingga mengakibatkan tindakan menguatkuasakan perintah penghakiman tersebut terpaksa diambil atau dilaksana oleh mana-mana pihak ketiga; dan/atau
 - viii. disabit dan didapati bersalah oleh mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan jenayah; dan/atau
 - ix. didapati terlibat dengan penagihan dadah atau sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah; dan/atau
 - x. diisyiharkan muflis oleh mana-mana Mahkamah; dan/atau
 - xi. menerima perintah insolvensi.
- (b) Pihak **UNIVERSITI** berhak mengambil tindakan ke atas **PEGAWAI** tersebut di atas kemungkiran Perjanjian yang telah dilakukan.

7. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH UNIVERSITI

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- (a) Maka adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa **UNIVERSITI** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa di mana penamatkan sedemikian adalah muktamad dan **UNIVERSITI** turut berhak berhenti dari membayar atau menguruskan pembayaran Pembiayaan tersebut kepada **PEGAWAI** dengan serta-merta tanpa liabiliti untuk memberi gantirugi pampasan kepada **PEGAWAI** ataupun mana-mana pihak ketiga dan tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** yang lain di bawah Perjanjian ini

selepas memberi **satu (1) bulan** notis kepada **PEGAWAI** menamatkan Perjanjian ini atas satu atau lebih alasan berikut:

- i. **PEGAWAI** melakukan perlanggaran keseluruhan atau mana-mana bahagian yang terkandung dalam Klausula 6 Perjanjian ini; dan/atau
 - ii. **PEGAWAI** enggan atau dengan salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai untuk meneruskan Pengajian tersebut; dan/atau
 - iii. **PEGAWAI** melakukan perlanggaran mana-mana syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini; dan/atau
 - iv. **PEGAWAI** menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan menurut Klausula 3 Perjanjian ini; dan/atau
- (b) Walau apa-apa jua yang terkandung dalam Klausula ini, UNIVERSITI berhak adalah dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** bahawa **UNIVERSITI** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab penamatan di mana penamatan sedemikian adalah muktamad dan **UNIVERSITI** turut berhak berhenti dari membayar atau menguruskan pembayaran Pembentangan tersebut kepada **PEGAWAI** dengan serta-merta tanpa liabiliti untuk memberi gantirugi pampasan kepada **PEGAWAI** ataupun mana-mana pihak ketiga dan tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** yang lain di bawah Perjanjian ini.

8. PEMBAYARAN GANTIRUGI

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- (a) **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** hendaklah bersesama dan berasingan bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serah hak mereka, membayar kepada **UNIVERSITI** dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh notis oleh **UNIVERSITI**, suatu ganti rugi bagi jumlah sepertimana

Lampiran E (selepas ini disebut sebagai “**Ganti rugi**”) atau Pembiayaan yang telah dibayar kepada **PEGAWAI** atau bagi pihak **PEGAWAI** oleh **UNIVERSITI**, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

- (b) Jika **PEGAWAI** pada masa Perjanjian ini ditamatkan berada di luar Malaysia, **UNIVERSITI** akan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk **PEGAWAI** balik ke Malaysia seperti seolah-olah **PEGAWAI** itu telah tamat Kursus Tersebut.
- (c) **PEGAWAI** mengaku dan bersetuju bahawa sekiranya pembayaran balik Pembiayaan atau Ganti rugi terpaksa dituntut melalui proses Undang-Undang atau pun jika Pembiayaan atau Ganti rugi tersebut atau mana-mana bahagiannya diletakkan ke dalam tangan Peguambela dan Peguamcara untuk dituntut pembayaran baliknya, **PEGAWAI** akan membayar (selain daripada Pembiayaan atau Ganti rugi tersebut yang dituntut dan patut dibayar di bawah Perjanjian ini) bayaran perkhidmatan guaman atas dasar peguam dan anakguam (“*on a solicitor's and client basis*”) dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan dan ditanggung oleh **UNIVERSITI** dalam menjalankan tuntutan pembayaran balik Pembiayaan atau Ganti rugi tersebut.

9. PEMOTONGAN GAJI

Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui oleh **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** seperti berikut:

- (a) **UNIVERSITI** berhak untuk membuat pemotongan gaji sebagai penjelasan bayaran balik Pembiayaan atau tuntutan Ganti rugi, kos perkhidmatan guaman, kos perkhidmatan dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan dan ditanggung oleh pihak **UNIVERSITI** dalam menjalankan tuntutan tersebut.

**TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT**

- (b) **PEGAWAI** membenarkan potongan gaji tersebut sama ada secara ansuran bulanan menurut jadual bayaran berkala yang ditentukan oleh pihak **UNIVERSITI** atau secara pukal tanpa perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada **PEGAWAI**. Potongan gaji tersebut akan bermula apabila **PEGAWAI** memulakan tempoh ikatan perkhidmatan dengan pihak **UNIVERSITI** sehingga segala bayaran jumlah gantirugi dan segala bayaran kos perkhidmatan guaman dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan dan ditanggung oleh **UNIVERSITI** dalam menjalankan tuntutan pembayaran balik Pembiayaan atau gantirugi tersebut selesai dibayar sepenuhnya.

10. TANGGUNGAN DAN KEWAJIPAN

Segala tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus menjadi sah dan terikat bagi segala apa tujuan walaupun ada perubahan dengan cara penyatuan atau pembentukan semula atau sebaliknya yang dibuat kepada perlombagaan **UNIVERSITI** dan begitu juga segala tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus menjadi sah dan terikat bagi segala apa tujuan walaupun ada perubahan dengan apa cara sekalipun kepada atau oleh **PEGAWAI**. Dengan ini adalah diikrarkan bahawa tiada sebarang apa perubahan akan menjaskan tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini bersabit dengan sebarang transaksi atau perlakuan sama ada yang lepas, sekarang atau masa depan.

11. KLAUSA BUKAN PENEPIAN

Sebarang kegagalan (*failure*), kelonggaran (*relaxation*), penangguhan tindakan (*forbearance*), kelewatan (*delay*), sikap membiarkan (*indulgence*) atau peninggalan (*omission*) oleh **UNIVERSITI** berkenaan dengan melaksanakan mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini ataupun pemberian masa oleh **UNIVERSITI** kepada **PEGAWAI**, tidak akan dengan apa cara sekalipun menimbulkan prejudis, memberi kesan menjejas, memudararatkan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa **UNIVERSITI** di

bawah Perjanjian ini; begitu juga sebarang penepian (*waiver*) oleh **UNIVERSITI** akan pelanggaran atau kemungkiran oleh **PEGAWAI** tidak akan beroperasi sebagai penepian terhadap pelanggaran atau kemungkiran yang lain atau kemudiannya.

12. DOKTRIN PEMISAHAN

Sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa atau dari mana-mana segi sekalipun di bawah apa jua undang-undang ianya hanya akan disifatkan sebagai tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan pada peringkat dan atas peruntukan atau peruntukan tersebut sahaja tanpa menjas, melemah atau membatalkan mana-mana peruntukan lain yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

13. FORCE MAJEURE

- (a) Sekiranya ada di antara pihak kepada Perjanjian ini dihalang daripada melaksanakan tanggungjawab masing-masing di bawah Perjanjian ini akibat daripada kejadian di luar kawalan mereka (selepas ini disebut sebagai "**Force Majeure**"), pihak tersebut tidak disifatkan telah ingkar atau mungkir Perjanjian ini dan tanggungjawab tersebut dikira telah ditangguh selagi dan sejauh mana yang mungkin diwajarkan oleh keadaan.
- (b) Bilamana mana-mana pihak di dalam ini tidak dapat sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diperuntukan atau disediakan di dalam Perjanjian ini akibat daripada berlakunya Force Majeure tersebut, pihak tersebut akan terus dan bila sahaja diperbolehkan oleh keadaan, memberi notis dan memberitahu pihak yang satu lagi butir-butir Force Majeure tersebut dan dari itu pihak-pihak di dalam perjanjian ini akan membuat perkiraan dan perubahan kepada Perjanjian ini yang akan terjadi di dalam keadaan tersebut.

14. KLAUSA BUKTI KONKLUSIF

Apa-apa akaun, rekod atau penyata yang ditandatangani oleh mana-mana pegawai atau kakitangan yang diberi kuasa oleh **UNIVERSITI** berhubung dengan sebarang Pembiayaan yang dikeluarkan oleh **UNIVERSITI** kepada **PEGAWAI** atau bagi pihak **PEGAWAI** akan menjadi bukti yang muktamad dan konklusif ke atas **PEGAWAI** dalam mana-mana tindakan undang-undang yang diambil oleh **UNIVERSITI** terhadap **PEGAWAI**.

15. NOTIS

- (a) Sebarang notis atau tuntutan atau permohonan/permintaan atau pemberitahuan yang dikehendaki atau dibenarkan diberi atau dibuat di bawah mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini kepada **UNIVERSITI** atau kepada **PEGAWAI** mesti secara bertulis dan jika bagi pihak **UNIVERSITI** hendaklah ditandatangani oleh mana-mana pegawai atau kakitangan yang diberi kuasa oleh **UNIVERSITI** atau firma guaman yang bertindak bagi pihak **UNIVERSITI** dan jika bagi pihak **PEGAWAI** hendaklah ditandatangani oleh **PEGAWAI** itu sendiri dialamatkan kepada alamat pihak-pihak yang hendak diberi sepertimana termaktub di dalam Perjanjian ini.
- (b) Apa-apa notis atau tuntutan atau permintaan atau permohonan atau pemberitahuan yang perlu diserahkan oleh mana-mana pihak di dalam Perjanjian ini kepada pihak yang satu lagi di bawah peruntukan di dalam Perjanjian ini mesti secara bertulis dan akan disifatkan telah diterima:-
 - (i) sekiranya ianya diberi oleh pihak tersebut atau peguamnya melalui Pos Berdaftar atau Sijil Akuan Mengepos seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini atau kepada alamat terakhir yang diketahui pihak tersebut dan di dalam situasi tersebut ia akan disifatkan (sama ada ia telah diserahkan

- atau belum) telah diterima pada masa surat berdaftar sepatutnya diterima di dalam perjalanan pos biasa; atau
- (ii) sekiranya diberi oleh pihak tersebut secara peribadi kepada pihak yang satu lagi.
- (c) Apa-apa pertukaran alamat oleh mana-mana pihak hendaklah diberitahu melalui notis bertulis kepada pihak yang satu lagi.

16. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Perjanjian ini akan ditentukan oleh dan ditafsirkan di dalam dan dari semua segi mengikut undang-undang di Malaysia dan pihak-pihak di dalam Perjanjian ini bersetuju bahawa semua hal berkaitan dengan tanggungjawab dan tanggungan pihak-pihak di bawah Perjanjian ini diputuskan di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

17. KEWUJUDAN HAK

Kecuali dinyatakan sebaliknya, penamatan Perjanjian ini di atas apa-apa sebab atau alasan tidak akan melepaskan mana-mana pihak di dalam Perjanjian ini dari apa-apa tanggungan atau liabiliti yang mana pada masa atau sebelum atau selepas penamatan tersebut telah atau akan wujud kepada pihak yang satu lagi hasil atau terbit dari mana-mana tindakan kemungkiran atau pelanggaran atau peninggalan oleh mana-mana pihak di dalam Perjanjian ini sebelum penamatan tersebut.

18. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini membentuk dan meliputi keseluruhan perjanjian antara **UNIVERSITI** dan **PEGAWAI** dan Perjanjian ini mengambil tempat, mengatasi dan membatalkan apa-apa dan kesemua pernyataan dan persefahaman antara **UNIVERSITI** dan **PEGAWAI** yang telah dibuat sebelum ini sama ada secara lisan atau bertulis berhubung dengan perihal Perjanjian ini **KECUALI** perkara-perkara atau syarat-syarat yang

terkandung di dalam **LAMPIRAN-LAMPIRAN** Perjanjian ini yang disifatkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

19. DUTI SETEM DAN PERBELANJAAN PERKHIDMATAN PEGUAM

Segala perbelanjaan berhubung dan berkaitan dengan penyediaan dan penyiapan Perjanjian ini dan mana-mana suratcara yang lain sepertimana yang diperuntukan di bawah Perjanjian ini termasuk semua bayaran duti setem, perbelanjaan pendaftaran (jika perlu) dan bayaran perkhidmatan peguam akan ditanggung dan dijelaskan dengan kos sendiri oleh **PEGAWAI**. Jika **UNIVERSITI** menjelaskan dahulu bayaran wang tersebut, jumlah wang yang tersebut akan disifatkan sebagai sebahagian daripada atau tambahan kepada Pembiayaan yang dikeluarkan kepada **PEGAWAI** mengikut peruntukan Perjanjian ini.

20. PERUBAHAN DAN PENAMBAHAN

Apa-apa perubahan dan penambahan yang hendak dibuat dan yang membabitkan Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan dipersetujui bersama oleh **UNIVERSITI** dan **PEGAWAI**.

21. MASA ADALAH INTIPATI

Masa adalah menjadi intipati kepada Perjanjian ini dan apa-apa perkara yang disentuh dan berhubung dengan masa di dalam Perjanjian ini mesti dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak di dalam Perjanjian ini.

22. IKATAN

Perjanjian ini akan mengikat ke atas wakil-wakil perseorangan masing-masing (respective personal representatives) dan pengganti-pengganti hakmilik (successors-in-title), **PEGAWAI** dan **UNIVERSITI**.

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

23. LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN-LAMPIRAN dalam Perjanjian ini hendaklah diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

[RUANG INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

SAMPLE

**TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT**

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan mereka pada haribulan dan tahun tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh

Pendaftar bagi pihak

UNIVERSITI

1

]

]

**NAMA DAN TANDATANGAN PENDAFTAR
(SILA KOSONGKAN)**

NAMA:

dihadapan:

.....]
(No. Kad Pengenalan]

(Tandatangan Saksi)]

**NAMA DAN TANDATANGAN
URUSETIA CUTI BELAJAR
(SILA KOSONGKAN)**

DITANDATANGANI Oleh

(PEGAWAI)

]

**NAMA DAN TANDATANGAN
STAF YANG CUTI BELAJAR
(SILA KOSONGKAN)**

NAMA:

NO. KAD PENGENALAN:

dihadapan:

.....]
(No. Kad Pengenalan]

(Tandatangan Saksi)]

**TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT**

DITANDATANGANI

]

Oleh [PENJAMIN I]

]

NAMA:

NO. KAD PENGENALAN:

dihadapan:

.....]

(No. Kad Pengenalan]

(Tandatangan Saksi)]

DITANDATANGANI

]

Oleh [PENJAMIN II]

]

NAMA:

NO. KAD PENGENALAN:

dihadapan:

.....]

(No. Kad Pengenalan]

(Tandatangan Saksi)

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

SURAT TAWARAN

SAMPLE

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN TAWARAN

SAMPLE

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

MAKLUMAT PEMBIAYAAN

SAMPLE

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

BUTIRAN MENGENAI PENJAMIN-PENJAMIN

- (i) Penjamin hendaklah merupakan warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Pegawai hendaklah memberikan Salinan Kad Pengenalan Penjamin-Penjamin kepada pihak Bahagian Urus Setia Cuti Belajar.
- (ii) Penjamin Pertama dan Penjamin Kedua mestilah merupakan dua orang yang berlainan.
- (iii) Pendapatan Penjamin mestilah tidak kurang daripada RM500.00 sebulan.
- (iv) Hendaklah seseorang yang tidak muflis.
- (v) Penjamin-penjamin hendaklah berumur tidak melebihi 45 tahun.
- (vi) Ibubapa/penjaga yang sah yang menjadi Penjamin Pertama dikecualikan daripada syarat pendapatan dan umur.
- (vii) Pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Bahagian Urus Setia Cuti Belajar.
- (viii) Penjamin mestilah bukan dari kalangan staf UPNM.

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT

TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN DAN JUMLAH GANTI RUGI

IJAZAH	TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN (TAHUN)		JUMLAH GANTIRUGI (RM)
	KURSUS BUKAN PROFESIONAL	KURSUS* PROFESIONAL	
Ijazah Sarjana/ Ijazah Kedoktoran			
a) Tempoh pengajian hingga 1 tahun	2	3	RM40,000.00
b) Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	4	5	RM100,000.00
c) Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	5	6	RM120,000.00
d) Tempoh pengajian lebih 3 tahun	6	7	RM160,000.00

* Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan (UK& Australia) dan Undang-undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

TANDATANGAN STAF,
PENJAMIN 1 & PENJAMIN
2 DI SETIAP MUKA SURAT